

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 10 MEI 2016 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Doa.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini 10 Mei 2016 sebagai hari permulaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas melalui perisytiharan bertarikh 18 Mac 2016 yang diwartakan pada 31 Mac 2016. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan mengambil tempat.

Setiausaha Dewan:

Ucapan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang,
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng,
Ketua Menteri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon,
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

Yang Berhormat Profesor Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy,
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan bin Darus,
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen.

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri.

Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri dan juga Persekutuan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Segala puji dan syukur kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga dan sahabat baginda.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya jua sekali lagi dapat saya dan Toh Puan hadir untuk merasmikan Majlis Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ketiga belas.

Adalah menjadi harapan saya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat. Justeru, dengan amanah yang diberikan, keutamaan semua wakil rakyat adalah untuk hadir ke Dewan ini untuk berbahas dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial.

Selain itu, setiap perkara yang hendak dibahaskan perlulah dikaji dan dibahaskan dengan teliti dan hendaklah disampaikan secara intelektual dan bukan secara emosi serta tanpa etika. Di samping itu, bersempena dengan penggal baru ini, saya berharap kita semua dapat bekerjasama dengan kepimpinan negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng demi kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang.

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI.

Saya berbangga dengan pencapaian yang memberangsangkan sebagaimana yang dimaklumkan semasa *exit conference* Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan Laporan Ketua Audit Negara. Saya juga difahamkan bahawa Negeri Pulau Pinang sekali lagi mendahului negeri-negeri lain untuk menjadi negeri pertama dalam mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2015. Kejayaan ini menjadikan Negeri Pulau Pinang mengekalkan pencapaian menjadi negeri pertama untuk mengemukakan penyata kewangan selama lapan tahun berturut-turut.

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2015 juga telah mencatat satu peningkatan dan lebihan hasil. Prestasi lebihan belanjawan diteruskan setiap tahun sejak tahun 2008. Ini membuktikan bahawa amalan pengurusan berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus yakni CAT bukan sahaja dapat memastikan perbelanjaan berhemah dan bersih, malahan berupaya meneruskan pembiayaan bantuan-bantuan sosial dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Keadaan kewangan yang kukuh ini membolehkan Kerajaan Negeri memberikan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung di mana cukai yang dipungut oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan menanggung kos sebanyak RM12.5 juta. Tambahan pula, Kerajaan Negeri juga mengarahkan MBPP dan MPSP untuk membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan yakni GST bagi pihak rakyat yang menggunakan perkhidmatan mereka. Ini menelan perbelanjaan sebanyak RM20 juta lagi.

Saya juga difahamkan bahawa Negeri Pulau Pinang juga telah berupaya mengelak daripada meminjam daripada Kerajaan Persekutuan. Nilai hutang berjumlah RM69.47 juta pada akhir tahun kewangan 2015 adalah yang paling rendah berbanding dengan negeri-negeri yang berhutang sebanyak RM16.8 bilion secara keseluruhan kepada Kerajaan Persekutuan. Semua pencapaian ini jelas menunjukkan arah tuju Pentadbiran Negeri Pulau Pinang berada pada landasan yang betul dan ia merupakan formula kejayaan negeri ini.

PERKEMBANGAN SEMASA EKONOMI NEGERI.

Ekonomi negeri bagi tahun 2015 menunjukkan prestasi yang membanggakan di mana Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pelaburan berjumlah RM6.7 billion melalui 107 buah projek yang telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4.5 billion adalah pelaburan asing dan RM2.2 billion pula adalah pelaburan tempatan. Dalam masa yang sama, sebanyak 18,725 peluang pekerjaan telah diwujudkan pada tahun 2015 berbanding 17,896 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 5%.

Oleh yang demikian, saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri dan seluruh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri terus bekerja keras dan meningkatkan kepekaan serta kelancaran pengurusan demi kemajuan negeri dan seterusnya kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

PERKEMBANGAN SEKTOR PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN.

Saya berbangga dengan usaha Kerajaan Negeri mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan terpilih selepas melihat kejayaannya menjadi tuan rumah acara berprestij SEMICON Asia Tenggara yang diadakan di Pulau Pinang pada tahun 2015 dan 2016. Inilah pertama kalinya program ini dibuat di luar Singapura dan diharapkan boleh menjadi acara tahunan di Pulau Pinang dan tahniah saya ucapkan.

Selain itu, saya juga maklum bahawa sejumlah RM9.72 juta telah disalurkan melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) sejak tahun 2009, bagi membantu peniaga-peniaga kecil menambah modal untuk mengembangkan perniagaan mereka. Sehingga kini, sejumlah 2,227 penjaja dan peniaga kecil telah menikmati kemudahan pinjaman melalui projek ini.

Salah satu teras pembangunan ekonomi adalah menaiktarafkan infrastruktur. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM23,270,720.00 kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015.

Penambahbaikan infrastruktur termasuk jalan raya dan jambatan di Pulau Pinang termasuk di Seberang Perai akan memudahkan perjalanan trafik harian mereka. Terkini Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan pengambilan balik tanah bagi tujuan pelebaran Jalan Alma ke Bukit Minyak di Bukit Mertajam dengan kos pengambilan RM15 juta. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan di bawah *rolling plan* pertama pada tahun 2016 di Rancangan Malaysia Ke 11 untuk pelebaran Jalan Persekutuan bermula dari Jambatan Tunku Abdul Rahman di Butterworth hingga ke Jambatan Merdeka, Kepala Batas, Seberang Perai Utara yang dianggarkan RM344 juta. Pada ketika ini urusan yang berkaitan dengan pengambilan balik tanah sedang diuruskan dengan sewajarnya.

Sebagaimana yang dijanjikan, Kerajaan Negeri akan berusaha menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di negeri ini. Strategi penyelesaian adalah sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) yang merangkumi bas, teksi, kereta kabel, LRT/monorel, feri dan teksi air memerlukan infrastruktur jalan raya dan keretapi yang menelan perbelanjaan sebanyak RM27 billion. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri menerusi tender terbuka telah melantik SRS Consortium sebagai *Project Delivery Partner* (PDP) bagi memberi fokus kepada pelaksanaan fasa pertama yang dijangka memakan masa hampir 10 tahun. Kerja-kerja pelaksanaan pula akan dimulakan pada tahun 2017 setelah mendapat kelulusan dari pihak Kerajaan Persekutuan.

SEKTOR PELANCONGAN DAN WARISAN NEGERI.

Tahun 2016 merupakan kesinambungan Tahun Melawat Pulau Pinang. Kita berbangga apabila permulaan tahun 2016, Pulau Pinang telah disenaraikan dalam pelbagai penerbitan dan artikel antarabangsa sebagai di antara destinasi pelancongan dan makanan yang terunggul di dunia oleh *Los Angeles Times*, *Huffington Post*, *Forbes*, *Lonely Planet* dan *TripAdvisor*. Jumlah penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) juga telah mencecah 6.5 juta orang pada tahun ini iaitu lebih awal daripada jadual yang dijangkakan.

Saya juga difahamkan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (PPAG, USM) telah menemui satu tapak peninggalan pra-sejarah Zaman Neolitik yang berusia hampir 5,000 tahun di Guar Kepah, Seberang Perai Utara. Sebuah Galeri Arkeologi Guar Kepah akan dibina oleh Kerajaan Negeri yang boleh memaparkan wujudnya penempatan manusia dengan cara hidup adaptasi marin semasa zaman batu di Pulau Pinang.

Pembinaan Galeri ini yang dibuat secara kerjasama dengan PPAG, USM ini dijangka akan siap pada penghujung tahun 2016 dan dibuka kepada orang ramai awal tahun 2017.

INDUSTRI PERTANIAN DAN ASAS TANI.

Industri pertanian dan asas tani negeri dilihat telah mencapai *milestone* baru dalam mempromosikan produk berasaskan pertanian Pulau Pinang ke luar negeri. Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah dianugerahkan dengan Anugerah Jualan Terbanyak bagi Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015 dengan jualan melebihi RM100,000.00. Promosi dan pemasaran ke luar negeri harus dipergiatkan.

Selain itu, langkah Kerajaan Negeri dengan mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda iaitu skim mikro kredit tanpa faedah pada tahun 2014 untuk membantu usahawan pertanian sebanyak RM5,000.00 seorang bagi mengembangkan bidang yang diceburi dilihat semakin mendapat tempat di kalangan rakyat.

Program Bantuan Pukat kepada nelayan pesisir yang telah dilancarkan sejak tahun 2013 diteruskan di mana secara purata setiap daripada 3,121 orang nelayan menerima sumbangan pukat bernilai RM360.00 seorang pada tahun 2015 dengan melibatkan kos sebanyak RM1.1 juta.

PENGURUSAN SUMBER AIR.

Perubahan cuaca membawa kesan besar. Contohnya, fenomena 'Super El Nino' dijangkakan akan berpanjangan sehingga bulan Jun 2016. Sekiranya fenomena ini berterusan, ianya akan menyebabkan pengurangan taburan hujan di Pulau Pinang pada tahun ini. Pada bulan April 2016, kelebatan hujan adalah hanya 30% daripada purata tahunan hujan untuk bulan April. Keadaan ini memaksa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengambil langkah yang agresif dan proaktif supaya simpanan air mentah di semua empangan mencukupi dan memastikan bekalan air bersih bagi kegunaan rumah dan industri tidak tergendala.

Kerajaan Negeri harus dipuji kerana bertindak tegas dan pro-aktif dengan dasar "Tak Nak Catuan Air" kerana catuan air akan menyebabkan kerugian besar dan kesusahan kepada rakyat, peniaga dan juga pelabur. Sehubungan dengan fenomena El Nino ini, rakyat juga perlu bersama-sama memainkan peranan dalam usaha penjimatan air termasuk mengelakkan pembaziran air serta sentiasa mengamalkan langkah-langkah penjimatan air.

PERKEMBANGAN SEKTOR KESIHATAN.

Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang sihat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program *Penang Heart Safe* dan menjadi negeri pertama di Malaysia memperkenalkan alat *Automated External Defibrillator* (AED) di tempat awam. Adalah diharapkan pemasangan AED ini dapat menyelamatkan nyawa kerana penyakit jantung merupakan penyakit dan pembunuh yang utama di Malaysia.

Kes demam denggi terus mencatatkan peningkatan yang membimbangkan. Pulau Pinang berada di ranking keempat seluruh Malaysia dengan mencatatkan sepuluh (10) kematian sehingga kini. Bagi membendung kes ini saya difahamkan, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program *Mosquito Autocidal Trap* atau MyMAT bermula Mei 2016. Tiga lokaliti telah dikenalpasti sebagai kawasan perintis iaitu di Lokaliti Tuna, Seberang Jaya, Taman Seri Delima, Daerah Barat Daya, dan Taman Seri Damai, Daerah Timur Laut. Sekiranya program enam bulan ini berjaya mengurangkan populasi nyamuk dan kes denggi di kawasan berkenaan, lebih banyak MyMAT lagi akan dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang. Namun, MyMAT perlukan penyelenggaraan setiap dua minggu. Ini bermakna kebergantungan kepada tanggungjawab komuniti masih tinggi bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Selain itu, bagi menyokong usaha berterusan Jabatan Kesihatan Negeri dalam memerangi wabak denggi, Kerajaan Negeri akan menyumbangkan sepuluh (10) unit mesin semburan kabus.

MENINGKATKAN PEMILIKAN RUMAH.

Dasar Satu Keluarga Satu Rumah oleh Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan pihak swasta dengan tumpuan diberikan kepada pembinaan rumah mampu milik dan rumah awam. Sejak tahun 2008, sebanyak 8,092 unit rumah kos rendah dan 8,107 unit kos sederhana rendah dibina. Rumah mampu milik yang kurang daripada RM400,000 juga akan diperbanyakkan. Kerajaan Negeri harus dipuji kerana mengurangkan harga maksima rumah mampu milik daripada RM400,000 kepada RM300,000.

Dalam sektor pendidikan, atas usaha Kerajaan Negeri, fasa satu pembinaan kampus baharu Kolej Universiti KDU Pulau Pinang (KDUPP) di Batu Kawan yang bernilai RM220 juta oleh pihak swasta dijangka siap pada tahun 2019. Dengan siapnya kampus ini kelak, ianya mampu menyediakan lebih banyak tempat dan peluang kepada anak tempatan dan luar Pulau Pinang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

MENINGKATKAN PROGRAM KEBAJIKAN.

Menangani kemiskinan adalah kewajipan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan khidmat sosial dan kebajikan kepada rakyat dalam kalangan mereka yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. *Alhamdulillah*, usaha membasmi kemiskinan yang dirintis oleh Kerajaan Negeri ini haruslah dipuji dengan bantuan kepada golongan miskin tegar melalui program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Dalam membantu golongan ini, Kerajaan Negeri telah meningkatkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) daripada RM600 sebulan kepada RM770 sebulan pada tahun 2013 dan seterusnya RM790 pada tahun 2014 agar status kemiskinan sifar dapat dikekalkan. Ini bermakna mana-mana keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan kurang dari RM790, AES akan menambah nilai perbezaan setiap bulan sehingga genap RM790 sebulan. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2009, dan sehingga Mac 2016, seramai 1,244 orang telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri yang melibatkan keseluruhan pembayaran RM18,907,089 sahaja. Semua ADUN diminta memberikan maklumat keluarga-keluarga miskin yang perlu menerima bantuan kepada Kerajaan Negeri.

Bermula dengan Program Penghargaan Warga Emas dan sumbangan kepada waris warga emas meninggal dunia pada tahun 2009, keprihatinan Kerajaan Negeri dikembangkan lagi melalui Program Bantuan Ibu Tunggal pada tahun 2011, Program Bantuan OKU (2011), Program Anak Emas (2011), Program Skim Pelajar Emas (2012) dan Program Ibu Emas (2014). Semua program ini akan diteruskan dengan menstrukturkan data dalam sistem i-Sejahtera.

PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN.

Pelbagai program pembangunan belia telah dan akan dilaksanakan di negeri ini untuk melahirkan generasi belia yang mampan dan berdaya saing yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan. Program pendidikan sains seperti Kluster Sains Pulau Pinang yakni *Penang Science Cluster (PSC)* akan mengajar bidang robotik dan program Pengajaran & Pembelajaran *ESTEEM (Engaging Student for Science, Technology, Engineering, English and Mathematics)*. Di samping itu, *Tech Dome Penang (TDP)* bernilai RM28 juta dijangka siap pada bulan Julai 2016 untuk memperkenalkan pelajar-pelajar sekolah menengah mendalami dan menghayati sains dan teknologi.

HAL EHWAL AGAMA ISLAM.

Bumi yang kita berpijak ini didiami oleh warga pelbagai kaum, pelbagai agama, pelbagai budaya dan pelbagai bahasa. Kepelbagaian bahasa, bangsa, budaya dan warna kulit bukan untuk dijadikan asas perbezaan dan persengketaan tetapi untuk kita lebih mengenali antara satu sama lain sejajar dengan saranan agama seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

“Hai manusia, sesungguhnya kami mencipta kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenali.”

Suluhannya mata hati dengan sinar cahaya daripada nur terkandung dalam kalam-kalam Allah, yang terhimpun dalam Al-Quran, dalam suasana umat Islam yang kelihatan semakin tersasar arah kembalilah merujuk kepada kompas haluan yang tersusun dalam Sunnah Rasul. Berpeganglah kepada ajaran dan amalan Ahlus Sunnah Wal Jamaah dengan menghayati prinsip keadilan, ihsan, kesederhanaan dan toleransi.

Institusi masjid sebagai pusat ibadah dan pembangunan ummah terus dipertingkatkan sejajar dengan arus perkembangan masa kini. Dalam hal ini, saya dimaklumkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah sumber kewangan untuk mempertingkatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan prasarana masjid. Dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas Kerajaan Negeri telah membina 10 buah masjid baru atau mengganti masjid yang lama, uzur. Dan pada tahun ini saya dimaklumkan Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan merancang untuk membina beberapa buah masjid baru iaitu Masjid Bandar Baru Seri Pinang, Masjid Kubang Ulu, Masjid Karwa, Masjid Kampung Rawa, Masjid Penaga yang akan dimulakan pembinaannya pada tahun ini atau awal tahun 2017 dan pada tahun 2016 ini juga Masjid Batu Maung bernilai RM2.9 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri akan siap pada bulan ini, Insya-Allah. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebidang tanah di Jalan Scotland bernilai RM50 juta untuk membina ibu pejabat Mahkamah Tinggi Syariah di Pulau Pinang.

Penganjuran konvensyen Al Islam Rahmatun Lil A'lam, (Islam rahmat untuk sekalian alam) baru-baru ini dilihat telah mendapat sambutan yang positif. Program ini dilihat mampu menjelaskan bahawa Islam sebagai satu agama kedamaian dan keamanan. Islam bukan hanya menjamin keselamatan dan keamanan kepada penganutnya sahaja, tetapi kepada sekalian manusia, haiwan dan juga alam persekitaran selaras dengan penegasan Allah SWT dalam Al-Quran.

“Dan tidak diutuskan kamu wahai Muhammad SAW melainkan untuk membawa rahmat kepada sekalian alam.”

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM.

Penjawat awam mesti kembali merenung semula peranan besar mereka dalam menggerakkan pembangunan negeri. Masyarakat awam mestilah merasai perkhidmatan awam sebagai pemudah cara dalam penyelesaian urusan mereka.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kerana telah berjaya mengekalkan pencapaian 5 Bintang dalam penilaian penarafan bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi tahun 2015 hingga tahun 2016 dan menjadi Johan peringkat kebangsaan dalam pertandingan 24 jam membangunkan aplikasi mudah alih kerajaan. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana memenangi 'Award of Best Website' untuk Taman Bandaraya sempena *Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities The 7th General Assembly New Leap of TPO 2015* di Sanya, Hainan, China. Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Malis Perbandaran Seberang Perai kerana mendapat tempat kedua Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) Peringkat Kebangsaan dan juga bagi Pihak Berkuasa Tempatan dan tempat kedua bagi Kategori Pengkomposan Sisa Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau sempena sambutan Hari Perancang Sedunia pada tahun 2015.

MEMPERKASAKAN WANITA.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua ibu di negeri ini. Kerajaan Negeri amat mengambil berat akan peranan wanita dalam urusan tadbir Kerajaan Negeri. Selaras dengan itu, kewujudan Penang Women Development Corporation (PWDC) dan bantuan sebanyak 1.5 juta diharapkan dapat memperkasakan peranan wanita di negeri ini.

Sebagai penutup, saya sedar dalam politik tidak mungkin wujud persetujuan secara mutlak yakni 100% dan telah diakui bahawa sistem semak dan imbang itu perlu dan bagi memastikan semua kepentingan diteliti. Jalankanlah sistem yang ada atas landasan yang amanah dan ketepikan isu peribadi daripada persetujuan politik. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jagalah tingkah laku dan tata bicara sama ada di dalam Dewan Yang Mulia ini mahupun di luar dewan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pemimpin rakyat yang akan menjadi contoh dan ikutan.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pihak termasuklah penjawat awam negeri dan persekutuan, angkatan tentera dan anggota polis, ahli bomba dan semua pihak yang telah bertungkus lumus menyumbang tenaga sebelum ini memberi khidmat terbaik dan adil kepada semua. Saya juga mengucapkan selamat maju jaya kepada semua khususnya kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng yang menerajui Negeri Pulau Pinang dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi memastikan negeri ini terus maju dan bertaraf antarabangsa pada tahun-tahun yang akan datang yang pastinya lebih mencabar.

Sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, saya menasihatkan kepada semua agar dapat terus bertugas dengan lebih tekun, gigih dan mempertahankan negeri yang tercinta ini setiap masa. Saya mendoakan semangat ini akan menjadi semakin kental agar negeri dan rakyat terus maju aman dan makmur sebagai sebuah negeri yang gemilang.

Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas Tahun 2016.

Selamat Bersidang di Dewan yang mulia Ini. Sekian, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin yang saya kasihi, Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Jumaat, 13 Mei 2016 jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan meninggalkan Dewan Persidangan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.